

KAEDAH PENANGANAN WABAK PANDEMIK BERDASARKAN HADIS DAN KEARIFAN LOKAL MASYARAKAT ISLAM

Muhammad Widus Sempo
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
E-Mail: widus81@usim.edu.my

Abdulloh Salaeh
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
E-Mail: abdulloh@usim.edu.my

ABSTRAK

Masyarakat dunia telah banyak berdepan dengan cabaran wabak pandemik seperti maut hitam, Ebola, Kolera, Influenza H1N1, HIV/AIDS, SARSCoV, MERS Cov dan yang terbaharu adalah COVID-19. Angka kematian yang tinggi ekoran wabak tersebut menunjukkan kelemahan manusia dalam melakukan pengawalan dan penanganan. Justeru, kaedah penanganan yang sedia ada seperti social distancing, (lock down), isolasi pesakit, kuarantin dan sebagainya dalam mengawal penularan COVID-19 yang merebak dengan begitu pantas bukanlah perkara yang baharu, melainkan kaedah semacam ini dipercayai mempunyai asal-usul dalam tradisi Islam. Oleh itu, kajian ini menumpukan perbincangannya terhadap kaedah penanganan wabak pandemik dalam tradisi Islam berdasarkan hadis dan kearifan lokal masyarakat Islam. Kajian ini dijalankan secara induktif terhadap kitab-kitab hadis dan manuskrip perubatan Islam. Didapati dalam kajian ini bahawa masyarakat Islam memiliki kaedah tersendiri dalam mengawal penularan wabak pandemik berpandukan hadis dan kearifan lokal yang tertakluk kepada sosial-budaya mereka.

Kata Kunci: Wabak, Pandemik, Covid-19, Tradisi Islam

PENDAHULUAN

Manusia dalam sejarahnya telah mengetahui penyebaran pelbagai wabak pandemik yang menyebabkan banyak kerugian materi seperti kematian orang ramai, krisis ekonomi, khidmat kesihatan yang merosot, masalah pendidikan serta keamanan turut berada dalam keadaan bahaya. Selain COVID-19 yang menyebabkan banyak kematian orang ramai, World Health Organization (WHO) turut merekodkan wabak pandemik lain yang mempunyai kesan buruk terhadap manusia seperti maut hitam (*Black death*), pandemik influenza, Ebola, Kolera, HIV/AIDS, SARS CoV, MERS Cov.

Perkataan pandemik adalah perkataan Yunani yang terdiri daripada dua patah perkataan iaitu 'pan' yang bermaksud semua dan 'demos' yang bermaksud orang. Pandemik merujuk wabak epidemik yang merebak di merata-rata tempat dalam satu negara atau lebih, atau lebih daripada satu benua pada waktu yang sama (Honigsbaum, 2009: 373). Dalam kamus Epidemiologi yang diterima pakai oleh dunia antarabangsa pandemik ialah wabak yang muncul di merata-rata tempat di dunia, merentasi sempadan antarabangsa dan menjangkiti orang ramai dalam skala jangkitan yang luas (Harris, 2000). Pandemik

dalam kajian semasa turut merangkumi wabak epidemik yang merebak secara meluas dan menjangkiti orang ramai dalam skala yang besar serta tersebar secara meluas dalam suatu kawasan, negara, benua, ataupun telah *mendunia* secara global (Morens et al., 2009). Menurut W. Qiu et al., (2017: 3), terdapat beberapa kata kunci untuk mengesan wabak pandemik seperti berikut:

- i. Geografik penyebaran yang meluas
- ii. Penularan wabak yang pantas
- iii. virus yang menyebabkan wabak ini adalah virus baharu yang belum pernah muncul sebelumnya.
- iv. Kesan global yang teruk
- v. Kadar jangkitan yang tinggi
- vi. Muncul dan merebak dengan pantas seolah-olah seperti letupan.
- vii. Tidak ramai imuniti manusia yang dapat melawan virus wabak ini.
- viii. Menyebabkan infeksi dan berjangkit melalui sentuhan.
- ix. Kesan buruk wabak pandemik banyak menjejaskan sektor kehidupan seperti kesihatan, ekonomi, keamanan orang ramai dalam peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kesan negatif pandemik turut menjejaskan sektor politik dan kehidupan sosial.

METODOLOGI

Kitab hadis adalah tumpuan kajian ini yang dijalankan secara induktif. Selain itu, kajian turut dijalankan ke atas pelbagai kitab syarahan hadis dan kitab-kitab perubatan Islam. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti kaedah penanganan wabak pandemik dalam tradisi Islam melalui kajian hadis dan kearifan lokal masyarakat Islam.

DAPATAN KAJIAN

Perbezaan Ṭā'ūn dan Wabak (الْوَبَاءُ)

Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa wabak penyakit berjangkit yang disebutkan di dalam hadis seperti penyakit kusta (الجدام) dan ṭā'ūn (الطاعون). Justeru, terdapat banyak hadis yang menyebutkan ṭā'ūn dan kaedah pencegahannya. Hal ini kerana ṭā'ūn banyak kali berlaku dalam dunia Islam, khususnya Syam yang melingkungi bandar-bandar besar Islam. Kajian turut mendapati bahawa terdapat perbezaan antara wabak (الْوَبَاءُ) dan ṭā'ūn (الطاعون). Menurut takrifan Majma' al-Lughah al-'Arabiyah di Kaherah (t.th: 2/558), ṭā'ūn adalah sejenis tumor yang boleh merebak, sebabnya adalah mikrob yang menjangkiti tikus, kemudian ditularkan oleh kutu kepada tikus lain dan kepada manusia. Berdasarkan keterangan Abu al-Ḥasan al-Mubarkafūri (1984: 5/236) mengikut kepada laporan jemaah saintis dan pakar perubatan termasuk Ibn Sina, ṭā'ūn adalah beracun dan menjadi punca tumor yang berbahaya. Tumor ini kebanyakannya tumbuh di kawasan ketiak, di belakang telinga mahupun jari jemari tangan dan kaki. Antara sebabnya adalah darah kotor yang berkumpul dan telah berubah sifat menjadi zat yang beracun sehingga menjejaskan fungsi hati dan jantung. Kesan buruk jangkitan penyakit ini ialah perasaan mual, muntah, pening dan detak jantung yang tidak teratur.

Al-Nawawi (1392 H: 14/204) menjelaskan lebih lanjut bahawa tumor ini selalunya disertai dengan rasa sakit yang sangat teruk dan bernaah. Kulit persekitaran tumor ini biasanya kehijau-hijauan atau kemerah-merahan. Kemudian, bahagian badan yang ditumbuhi tumor ini membengkak dan menyebabkan demam. Keterangan ulama, saintis dan pakar perubatan tersebut adalah selari dengan hadis Sayyidah 'Āishah dalam Mu'jam Ibn al-A'rābi seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الطَّاعُونُ شَهَادَةٌ لِأُمَّتِي، وَخِزْرُ أَعْدَائِكُمْ مِنَ الْجِنِّ، غُدَّةٌ كَغُدَّةِ الْبَعِيرِ تَخْرُجُ بَيْنَ الْأَبْطِ وَالْمِرَاقِ، مَنْ مَاتَ مِنْهُ مَاتَ شَهِيدًا، وَمَنْ أَقَامَ مِنْهُ كَانَ كَالْمُرَابِطِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَمَنْ فَرَّ مِنْهُ كَانَ كَالْفِرَارِ مِنَ الرَّحْفِ»

Daripada 'Aishah yang berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Tā'ūn membawa kepada mati syahid bagi umatku, gangguan musuh-musuh kalian daripada jin dan ia semacam benjolan di bahagian bawah leher unta yang banyak dijumpai di antara bahagian ketiak dan bahagian perut. Sesiapa yang mati ekoran jangkitan tā'ūn, maka ia mati syahid. Barang siapa yang tetap duduk di negeri yang dijangkiti tā'ūn, maka ia seperti orang yang sedang istiqamah berjuang di jalan Allah. Sesiapa yang lari dari tā'ūn, maka ia seperti lari dari medan laga."

(Hadis. 'Aishah. Abu Sa'īd bin al-A'rabī. Juz'3:#2456).

Menurut Ibn Qutaybah al-Dīnawari (t.th: 2/222), *al-Ghuddah* (الغدة) adalah sejenis tā'ūn yang menjangkiti unta. Sekiranya tā'ūn ini disertai dengan tumor yang tumbuh di punggung unta, maka unta tersebut dikenali dengan perkataan *Dāri'u* (دارى). Pada pandangan Ibn Hajar (1379 H: 10/193), tā'ūn ada masanya turun sebagai ganjaran terhadap maksiat yang bermaharajalela. Sebagai contoh, praktik zina yang bermaharajalela mengundang kemurkaan Allah SWT dan mengangkat berkat daripada suatu negeri. Berdasarkan hadis dan penjelasan ulama tersebut difahami bahawa tā'ūn adalah rahsia Allah yang mengandungi pengajaran berharga bagi manusia untuk menambah kualiti iman mereka. Manusia boleh sahaja berijtihad mencari asbabnya, namun pada akhirnya Allah jualah yang mengetahui hakikatnya. Simptom tā'ūn berbeza mengikut jenis tā'ūn itu sendiri. Terdapat tiga jenis tā'ūn seperti berikut:

- 1) *Bubonic plague* adalah jenis tā'ūn yang paling terkenal dan paling banyak berlaku. tā'ūn ini dikenali juga dalam perubatan Arab dengan nama 'الطاعون العقدي' atau 'الطاعون النزفي' kerana ia akan menyerang sistem limfatik pada sistem darah dan menyebabkan pendarahan teruk pada sistem tersebut. *Bubonic plague* dikenali juga dalam masyarakat Melayu dengan nama 'Maut hitam' atau *Black death*. Ia ditularkan kepada manusia melalui kutu yang dijangkiti bakteria *Yersinia pestis*. Antara simptom tā'ūn ini adalah perasaan sakit pada sistem limfatik ekoran jangkitan bakteria yang berkembang biak. Sistem limfatik dalam keadaan yang teruk akan mengalami luka-luka dan bernanah. Walaupun penularan penyakit ini dari manusia ke manusia jarang berlaku, tetapi ia dapat menyebabkan jangkitan tā'ūn ke tahap yang lebih teruk yang dikenali dalam perubatan Arab dengan istilah 'الطاعون الرئوي' iaitu ketika jangkitan telah menyerang paru-paru. Simptom tā'ūn ini dapat dikesan bermula hari kedua hingga hari keenam selepas jangkitan. Simptom yang mudah dikesan daripada pesakit adalah demam, menggigil, sakit kepala, rasa sakit pada tubuh badan, letih, pembengkakan pada nodus limfa, khususnya pada ketiak atau di bahagian bawah paha.
- 2) *Pneumonic plague* adalah jenis tā'ūn yang disebabkan oleh jangkitan bakteria pada paru-paru. Oleh itu, jenis tā'ūn ini dikenali juga dalam istilah perubatan Arab dengan nama 'الطاعون الرئوي' atau 'طاعون ذات الرئة'. Simptom tā'ūn ini kebanyakannya dikesan dalam masa 24 jam selepas jangkitan. *Pneumonic plague* ada masanya menular daripada pesakit kepada orang yang sihat melalui cecairan tubuh badan pesakit yang sampai kepada mereka yang sihat. Tā'ūn ini dapat menyebabkan kematian sekiranya pesakit tidak mendapatkan rawatan dengan kadar segera. Antara simptom tā'ūn ini adalah rasa sakit di dada, muntah, demam, sakit kepala, letih dan kahak mengandungi darah (sputum).
- 3) *Septicaemic plague* adalah jenis tā'ūn yang diakibatkan oleh jangkitan bakteria pada darah dan berkembang biak dalam darah. Oleh itu, tā'ūn ini dikenali juga dalam istilah perubatan Arab

dengan nama ‘طاعون إنتان الدم’ atau ‘طاعون تلوث الدم’. *Septicaemic plague* ada masanya berawal daripada jangkitan *Pneumonic plague* yang tidak mendapatkan rawatan yang munasabah. Ṭā‘ūn ini tidak menular dari manusia ke manusia lain. Walaupun demikian, ia dapat menyebabkan kematian sebelum simptom dapat dikesan. Kebiasaannya simptom *Septicaemic plague* dikesan pada hari kedua hingga hari ketujuh selepas jangkitan. Antara simptomnya adalah rasa sakit pada perut, cirit-birit, muntah, letih, demam, menggigil, pendarahan dan strok (Ghādah al-Ḥalāyiqah, 2018).

Berikut ini senarai ṭā‘ūn yang pernah turun di bumi Syam dan bandar-bandar Islam:

- 1) Ṭā‘ūn Shīrawayh (طاعون شيرويه) yang berlaku pada zaman baginda Nabi SAW di al-Madāin (المدائن), Farsi. Ṭā‘ūn ini dikenali dengan nama rajanya, Shīrawayh bin Kisra (al-Barazanji, 2005: 120).
- 2) Ṭā‘ūn Yazdajird (طاعون يزديرد) yang berlaku pada tahun 16 H di Farsi. Yazdajird adalah nama raja mereka yang wafat pada tahun 651 M (Ibn ‘Asākir, 1995: 58/336).
- 3) Ṭā‘ūn ‘Amawās (عمواس) di Syam pada tahun 18 H yang menyebabkan banyak kematian, termasuklah beberapa sahabat Baginda Nabi SAW seperti Mu‘ādh bin Jabal, isteri dan anaknya, Abu ‘Ubaydah bin al-Jarrāh. ‘Amawās adalah kampung yang terletak di antara Baitul Maqdis dan Ramla (رملة) (Ibn Kathīr, 1988: 6/226; 7/106).
- 4) Ṭā‘ūn yang berlaku pada tahun 24 H di Mesir. Ibn Baṭṭāh (1415 H: 4/226) menyebutkan bahawa wabak ini berpunca daripada kampung yang bernama ‘Dāb (داب)’. Mu‘āwiyah yang ketika itu adalah gabenor Syam mahu mengosongkan kampung itu dan membawa penduduknya ke tempat yang lebih aman, tetapi Abu al-Dardā’ tidak bersetuju dan berkata, “Bagaimana mungkin anda wahai Mu‘āwiyah membuat keputusan seperti ini ke atas penduduk kampung itu yang ajal mereka telah datang?” Ṭā‘ūn ini kemudian merebak ke Hims dan Damaskus (‘Abd al-Quddūs al-Hāshimi, 2020).
- 5) Pada zaman ‘Abdullah bin al-Zubayr pada tahun 69 Hijrah, Basrah dikejutkan dengan ṭā‘ūn yang dikenali dengan *al-Ṭā‘ūn al-Jārif* (الطاعون الجارف). Hal ini kerana ṭā‘ūn tersebut terlalu banyak menelan mangsa seperti bah yang dahsyat menghanyutkan pokok dan tanah (Muḥammad bin ‘Allān al-Ṣiddīqi, t.th: 4/154).
- 6) Pada tahun 79 H penduduk Syam berdepan dengan ṭā‘ūn yang merebak dalam skala besar dan menyebabkan banyak kematian. Pada waktu tersebut, tidak ada seorang pun dari penduduk Syam yang berani mengangkat senjata untuk berperang dan pada masa yang sama tentera Rum telah sampai di Antakiyah, lalu mereka membunuh penduduknya kerana mereka tahu bahawa tentera Syam dalam keadaan lemah oleh jangkitan ṭā‘ūn (Ibn Kathīr, 1988: 9/34).
- 7) Basrah kembali dikejutkan dengan ṭā‘ūn pada bulan Syawal tahun 87 H. Ṭā‘ūn ini dikenali dengan *Ṭā‘ūn al-Fatayāt* (طاعون الفتيات) kerana kematian orang ramai ekoran ṭā‘ūn ini bermula dengan kaum perempuan (Muḥammad bin ‘Allān al-Ṣiddīqi, t.th: 4/155).
- 8) Ṭā‘ūn ‘Addi bin Arṭaah (طاعون عدي بن أرطاة) yang terjadi pada tahun 100 H (Al-Nawawi, 1392 H: 1/106).
- 9) Pada tahun 107 H bumi Syam dijangkiti lagi ṭā‘ūn yang merebak di merata-rata tempat. Pada musim panas tahun itu juga Mu‘āwiyah bin Hishām berperang. Turut serta dalam askar penduduk Syam ketika itu adalah Maymūn bin Mihrān. Mereka merempuh laut menuju Cyprus. Di darat pula, askar di bawah pimpinan Maslamah (Ibn Kathīr, 1988: 9/271).
- 10) Pada tahun 115 H Syam dikejutkan lagi dengan ṭā‘ūn. Walaupun demikian, umat Islam di sana tetap berangkat ke Baitullah Kaabah untuk menunaikan ibadah haji di bawah pimpinan

Muhammad bin Hishām sebagai perutusan tanah Haram Mekah-Madinah dan Taif (نائِب الحَرَمين) (وَالطَّائِف) (Ibn Kathīr, 1988: 9/338).

- 11) Setahun selepas itu, tepatnya pada a tahun 116 H, ṭā‘ūn kembali bersarang di Syam dan Irak. Walaupun demikian, bandar Wasit di Irak adalah bandar yang paling terjejas. Pada tahun yang sama Mu‘āwiyah bin Hishām bersama dengan penduduk Syam mengharungi peperangan (Ibn Kathīr, 1988: 9/341).
- 12) Ṭā‘ūn Ghurāb (طَاعُون غَرَاب) yang berlaku pada tahun 127 H. Ghurāb adalah seorang lelaki dari Rubāb yang menjadi mangsa pertama ṭā‘ūn tersebut dalam wilayah kekuasaan al-Walīd bin Yazīd bin ‘Abd al-Malik (Abu Bakr bin al-‘Arabi, Muḥammad bin ‘Abdullah. 2007: 7/207).
- 13) Ṭā‘ūn Muslim bin Qutaybah di Irak pada bulan Sya’ban dan Ramadan tahun 131 H. Ṭā‘ūn ini kemudian berlalu pergi pada bulan Syawal. Ekoran ṭā‘ūn ini Ayyūb al-Saḥṭayāni meninggal (ibid.: 7/207)/
- 14) Pada tahun 299 H Farsi turut berdepan dengan cabaran ṭā‘ūn yang menyebabkan kematian orang ramai sebanyak 7,000 orang (Ibn Kathīr, 1988: 11/131).

Adapun perkataan wabak diadaptasi daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu iaitu *al-Wabā’* (الوباء). Menurut al-Khalīl al-Farāhīdī (t.th: 8/418), wabak adalah ṭā‘ūn. Selain itu, wabak juga adalah setiap penyakit yang secara amnya boleh merebak. Oleh itu, negeri yang mempunyai wabak penyakit dikenali dengan perkataan (أَرْضٌ وَبَاءَةٌ). Menurut Dr Aḥmad Mukhtār (2008: 3/2392), istilah perubatan (مرض وبائي) adalah merujuk kepada penyakit yang cepat menular dan menyerang orang ramai dan haiwan pada masa yang sama dalam satu kawasan.

Al-Qādi ‘Iyād berpandangan bahawa wabak adalah penyakit am yang menular. Walaubagaimanapun, wabak ada masanya disebut sebagai ṭā‘ūn kerana kesan buruknya sama dengan ṭā‘ūn. Oleh itu, setiap ṭā‘ūn adalah wabak, dan bukan semua wabak adalah ṭā‘ūn. Sebagai bukti, wabak yang pernah menjangkiti penduduk Syam, letaknya di ‘Amawās (عمواس) merupakan ṭā‘ūn (Ibn Ḥajar, 1379 H: 10/180).

Ringkasnya, ṭā‘ūn adalah salah satu jenis wabak.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَامِرٍ - أَنَّ عُمَرَ خَرَجَ إِلَى الشَّامِ، فَلَمَّا كَانَ بِسُرْعَ بَلَعَهُ أَنَّ الْوَبَاءَ قَدْ وَقَعَ بِالشَّامِ - فَأَخْبَرَهُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدَمُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا، فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ»

Daripada ‘Abdullah bin ‘Āmir sesungguhnya ‘Umar bin al-Khaṭṭāb keluar menuju Syam. Tatkala beliau telah sampai di Sargh (kampung di Tabuk yang menghala ke Syam), ia mendapat berita bahawa wabak telah merebak di Syam. Oleh itu, ‘Abdurrahman bin ‘Awf memberitahunya bahawa Baginda Rasulullah SAW pernah bersabda, “Sekiranya kalian mendengar berita wabak yang merebak dalam suatu negeri, maka janganlah kalian masuk ke negeri tersebut. Sekiranya wabak itu merebak di suatu negeri dan engkau berada di dalamnya, maka janganlah keluar hanya kerana mahu lari dari ṭā‘ūn tersebut.”

(Hadis. Al-Bukhāri. ‘Abdullah bin ‘Āmir. Juz’9:#6973)

Wabak yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah ṭā‘ūn ‘Amawās yang berlaku pada tahun 18 H seperti yang telah disebutkan sebelumnya.

Kaedah penanganan Ṭā‘ūn dan Wabak Dalam Hadis

Terdapat pelbagai hadis yang didapati dalam kitab-kitab hadis berkaitan kaedah penanganan wabak pandemik seperti berikut:

Hadis pertama:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الطَّاعُونَ آيَةُ الرَّجْرِ، ابْتَلَى اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ بِهِ نَاسًا مِنْ عِبَادِهِ، فَإِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ، فَلَا تَدْخُلُوا عَلَيْهِ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضِ وَأَنْتُمْ بِهَا، فَلَا تَقْرُوا مِنْهُ»

Usamah bin Zayd berkata, Rasulullah SAW bersabda, “Ṭā‘ūn adalah tanda azab, Allah menguji manusia dengan taun. Sekiranya kalian mendengar taun telah turun di suatu negeri, maka janganlah kalian masuk. Dan sekiranya ṭā‘ūn itu telah menjangkiti suatu negeri dan kalian berada di dalamnya, maka janganlah kalian daripadanya.”

(Hadis. Muslim. Usamah bin Zayd. Juz’4:#2218).

Prof Dr Mūsa Shāhīn Lāshīn (2002: 8/596-597) dalam syarahannya terhadap hadis ini menyebutkan bahawa Islam awal-awal lagi berusaha mengaitkan manusia dengan Tuhannya dalam apa jua keadaan sama ada senang mahupun susah. Islam menegaskan bahawa sakit dan sembuh adalah di bawah kendali kuasa Allah dan asbab serta kesannya juga turut datang daripada Allah. Oleh itu, manusia tidak bergantung sepenuhnya kepada asbab dan tidak duduk diam tanpa berusaha untuk sembuh dengan berubat. Islam mahukan manusia berusaha dan berserah diri sepenuhnya kepada Allah dan berdoa meminta berkat usaha. Contoh terbaik dalam hal ini adalah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb ketika datang berkunjung ke bumi Syam selepas ditaklukkan oleh askar Islam dan urusan tadbirnya dibahagikan kepada beberapa wilayah iaitu Jordan, Homs, Damaskus, Palestin dan Ajnadain. Pengurusan kesemua wilayah ini dipercayakan kepada gubernor yang terdiri daripada sahabat-sahabat Baginda Nabi SAW iaitu Abu ‘Ubaydah bin al-Jarrāh, ‘Amru bin al-‘Āṣ, Khālīd bin al-Walīd, Yazīd bin Abi Sufyān dan Shurahbīl bin Hasanah. Mendengar kedatangan ‘Umar, mereka keluar dari Syam untuk menyambut kedatangannya di Sargh (سرغ). Ketika itu, wabak ṭā‘ūn tengah merebak seperti api yang melahap ranting kering. Mereka pun memberitahu Khalifah ‘Umar tentang peristiwa tersebut. ‘Umar mendapat nasihat daripada sebahagian sahabat untuk pulang bersama dengan sahabat lain daripada kaum Muhajirin dan Ansar ke Madinah supaya tidak terjangkit dengan wabak ṭā‘ūn. Sebahagian sahabat menasihati ‘Umar supaya masuk ke Syam dan menyelesaikan pelan yang telah dirancang serta bertawakkal sepenuhnya kepada Allah. Mengelakkan perbezaan pandangan ini, ‘Umar meminta bantuan ‘Abdullah bin ‘Abbās untuk mengumpulkan sahabat daripada kaum Muhajirin yang awal-awal hijrah ke Madinah. Selepas mereka berkumpul, ‘Umar pun meminta pandangan mereka. Sebahagian mereka memberi isyarat kepada ‘Umar supaya tidak masuk dan sebahagian yang lain memberi saran kepadanya supaya masuk. ‘Umar pun marah melihat situasi ini. ‘Umar meminta bantuan ‘Abdullah bin ‘Abbās untuk mengumpulkan kaum Ansar. Selepas mereka berkumpul, ‘Umar pun meminta pandangan mereka. Mereka pun memberi pandangan yang tidak jauh berbeza dengan pandangan kaum Muhajirin. Sebahagian mereka berkata, “Anda datang untuk perkara yang penting. Oleh itu, jangan pulang dan tetaplal mara ke hadapan, masuk dan bertawakkal kepada Allah.” Sebahagian yang lain pula berkata, “Sesungguhnya engkau bersama dengan sebaik-baik sahabat Baginda Nabi SAW dan sahabat yang berusia. Oleh itu, janganlah engkau membawa mereka berdepan dengan taun.” ‘Umar lalu bertambah marah melihat situasi ini. Seterusnya, ‘Umar meminta bantuan ‘Abdullah bin ‘Abbās untuk mengumpulkan para pembesar Quraisy yang baharu masuk Islam ketika kota Makkah ditaklukkan. Selepas mereka berkumpul, ‘Umar lalu meminta pandangan mereka. Dengan bulat suara, mereka lalu memberi nasihat kepada ‘Umar supaya pulang. ‘Umar pun memutuskan untuk pulang bersama dengan sahabat yang menyertainya di waktu pagi keesokan harinya. Ketika mereka telah bersiap untuk memulakan perjalanan pulang, Abu ‘Ubaydah berkata kepada ‘Umar, “Apakah engkau pulang kerana takut kepada wabak dan lari daripada qadar Allah?” ‘Umar dengan pendirian yang teguh dalam mengambil sebarang keputusan berkata kepada Abu ‘Ubaydah, “Sekiranya orang lain yang berkata seperti ini wahai Abu ‘Ubaydah, aku sudah pasti memberinya pelajaran. Bagaimana mungkin anda keliru dalam perkara seperti ini, manakala semua orang

tahu siapa Abu ‘Ubaydah yang sebenar? Berhati-hati, berwaspada dan tidak menjerumuskan diri ke dalam kehancuran adalah wajib diambil kira dalam perkara seperti ini. Ya, Aku lari dari satu ketetapan Allah menuju ke ketetapan Allah yang lain pula. Sekiranya kami masuk, maka itu pun adalah kadar Allah. Sekiranya kami pulang, itu juga adalah kadar Allah. Wahai Abu ‘Ubaydah, bagaimana pandanganmu sekiranya engkau mempunyai seekor unta, lalu engkau turun ke lembah yang mempunyai dua sisi. Satu sisi adalah subur dan sisi yang lain adalah tandus. Sekiranya engkau mengembalakan untamu itu di tempat yang subur, maka itu juga adalah bahagian daripada takdir Allah, dan sekiranya engkau mengembalaknya di tempat yang tandus, maka itu juga dengan takdir Allah.” Ketika berlakunya perbezaan pandangan ini di antara kalangan, tidak ada seorang pun yang mengetahui hadis baginda Nabi SAW yang dapat dijadikan sebagai rujukan dalam mengambil keputusan yang bernas, kecuali ‘Abdurrahman bin ‘Awf. Ketika ia datang kepada ‘Umar pada waktu malam, ia memberitahu ‘Umar dan para sahabat tentang hadis Baginda Nabi SAW yang dapat menyelesaikan perkara tersebut. Sabda Rasulullah SAW, “‘Tā‘ūn adalah azab yang Allah kirim kepada umat sebelum kalian. Sekiranya tā‘ūn merebak di suatu negeri, maka janganlah keluar dari negeri tersebut orang yang sudah berada di dalamnya, dan jangan pula orang yang berada di luar negeri itu masuk.” Abu ‘Ubaydah dan sahabatnya kembali ke Syam yang berwabah dan ‘Umar berserta sahabatnya kembali ke Madinah. Tā‘ūn ini dikenali dengan tā‘ūn ‘Amawās (عمواس) yang banyak menyebabkan kematian orang ramai termasuk sahabat, seperti Abu ‘Ubaydah, Mu‘ādh bin Jabal, isteri dan anaknya.”

Pada pandangan pengkaji, baginda Nabi SAW awal-awal lagi sudah mengetahui ancaman tā‘ūn sebagai azab yang diturunkan untuk mengazab umat terdahulu dan tā‘ūn yang akan turun di Syam di kemudian hari. Oleh itu, baginda meletakkan garis panduan yang jelas dalam berdepan dengan tā‘ūn sebelum ia benar-benar berlaku dalam dunia Islam. Tidak ada yang mengetahui garis panduan tersebut ketika tā‘ūn ‘Amawās merebak di di Syam, kecuali ‘Abdurrahman bin ‘Awf. Selepas ‘Umar dan Abu ‘Ubaydah mendapat penjelasan, mereka pun mentaati pesan sabda Baginda Nabi SAW. ‘Umar pulang kembali ke Madinah dan tidak jadi masuk ke Syam, manakala Abu ‘Ubaydah kembali ke Syam. Kaedah kawalan wabak seperti ini diketahui kini dengan istilah kuarantin. Istilah ini diambil daripada perkataan Quarantine. Apakah Quarantine itu?

“Quarantine separates and restricts the movement of people who have been exposed to a contagious disease to see if they become sick. It lasts long enough to ensure the person has not contracted an infectious disease.” (SAMHSA: Substance Abuse and Mental Health Services Administration. t.th).

Menurut Kamus Dewan (2005: 1240), kuarantin adalah tempoh masa seseorang, haiwan, atau tumbuhan yang disyaki membawa sesuatu jenis penyakit ditahan di tempat pengasingan khas untuk mencegah penyakit itu daripada merebak.

Takrifan ini selari dengan pesan Baginda Nabi SAW dalam hadis tersebut dan amalan ‘Umar ketika berdepan dengan taun ‘Amawās. Kini, hampir semua negara di dunia, tidak terkecuali negara-negara Islam yang berdepan dengan cabaran wabak Covid-19 mengamalkan kaedah ini. Sekiranya wabak penyakit semakin merebak dan sukar dikawal, maka kuarantin ini diperketat dengan *lockdown* iaitu berkurung sama ada separa berkurung atau sepenuh berkurung (*complete lockdown*) (Ismail Sualman, 2020).

Kaedah Kuarantin sebenarnya sudah lama diaplikasikan yang bermula dengan pengasingan sakit kusta. Namub begitu, langkah kuarantin antarabangsa yang melibatkan kaedah pengasingan individu dan

barangan bagi suatu tempoh yang tertentu yang ditetapkan hanya diinstitusikan buat pertama kalinya pada abad ke-14 apabila wabak bubon atau dikenali sebagai *the black death* mengancam Eropah. Pusat Kuarantin (*lazarretto*) yang pertama dalam sejarah telah ditubuhkan di Santa Maria, Nazareth, Venice pada tahun 1423 yang dikenali sebagai '*The Nazarethum*'.

Sistem Venetian tersebut yang diperkenalkan khusus untuk menghalang penularan wabak bubon telah mendapat perhatian seluruh Eropah dan model kod lengkap peraturan kuarantin yang digubal oleh pihak penguat kuasa Venice pada tahun 1448 telah diguna pakai selama 400 tahun oleh negara-negara lain termasuk Genoa (1526), Marseilles (1526), England (1585), Scotland (1564) dan Perancis (1683) (R. Hood, 1959: 20; Aiza Mazlan Baharudin, 2011: 81).

Peruntukan Kuarantin juga telah diperkenalkan di Tanah Melayu oleh pihak British dalam tahun 1858 di bawah *Native Passenger Act*, namun peruntukan tersebut dianggap tidak lengkap oleh *Conference Sanitaire International* yang berlangsung di Konstantinopel pada bulan Ogos tahun 1866. Ordinan kuarantin kemudiannya telah diperkenalkan pada September 1868 yang diwajibkan ke atas semua kapal yang menggunakan pelabuhan Negeri-negeri Selat termasuk kapal yang membawa jemaah haji. Ordinan berkenaan turut memperkenalkan peraturan bagi memastikan kebersihan di atas kapal dititikberatkan dan mewujudkan mekanisme bagi mengawasi sebarang bentuk penularan wabak penyakit di atas kapal (Lanore Manderson, 1996: 38, 100).

Masyarakat di Tanah Melayu mendapati kuarantin berjaya mengekang penularan wabak penyakit terjangkit daripada terus merebak dengan cepat. Sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat di Tanah Melayu, apabila seseorang individu diserang wabak penyakit yang berjangkit seperti cacar, seluruh kampung akan mengasingkan dan memulaukan individu terbabit (*Self Quarantine*) (Aiza Mazlan Baharudin, 2011: 90). Sebagai contoh, pada tahun 1891, virus cacar yang dilaporkan di daerah Kuala Kangsar telah disebarkan oleh seorang jemaah haji yang baru kembali dari Tanah Suci. Dalam satu lagi kes yang berlaku di daerah Matang, Taiping, Perak pada tahun 1897, penyakit cacar juga telah menjangkiti seorang jemaah haji yang menyebabkan beliau dipulau dan diasingkan oleh penduduk kampung (Perak Government Gazzette, 1891: 1016; J. M. Gullick, 1987: 259, 271).

Hadis Kedua:

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ: سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ، بَعْدَ يَقُولُ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا يُوردَنَّ مُمرضٌ عَلَى مُصِحٍّ»

Daripada Abu Salamah, ia mendengar Abu Hurayrah berkata, "Nabi SAW bersabda, "Orang yang sakit hendaklah tidak bercampur dengan orang yang sihat."

(Hadis. Abu Salamah. Al-Bukhāri. Juz'. 7:#5771).

Perkataan *al-Mumriḍ* (المُمرض) dalam hadis tersebut bermaksud orang yang mempunyai unta yang sakit, manakala perkataan *al-Muṣiḥḥu* (المُصِحُّ) pula bermaksud orang yang mempunyai unta yang sihat (المصح). Hadis ini bermaksud melarang orang yang mempunyai unta yang sakit untuk datang dengan untanya ke tempat unta yang masih dalam keadaan yang sihat supaya tidak berlaku penularan penyakit kepada unta yang sihat (Ibn Hajar, 1379 H:10/242). Hadis ini seca amnya meletakkan asas yang penting dalam mencegah penularan penyakit. Digalakkan menjauhi apa sahaja yang dapat menimbulkan sebarang mudarat yang dapat membawa risiko kepada tubuh badan dengan izin Allah SWT (Badruddīn al-‘Ayni, t.th: 21/288). Hadis ini menjadi bukti kasih sayang baginda Nabi SAW yang sempurna terhadap umat ini. Nasihat baginda kali ini adalah berkaitan larangan membawa diri kepada apa sahaja yang dapat merosak tubuh badan. Ketika baginda melarang kita untuk menjauhi orang yang terjangkiti kusta, baginda mahukan kita untuk sentiasa berhati-hati dan menjauhkan orang yang sihat daripada tempat yang

berwabak. Sungguh banyak panduan kesihatan baginda kepada umat ini termasuk *medical preventif* (الطب الوقائي) yang melarang kita untuk masuk ke kawasan yang berwabak (Hamzah Muhammad Qāsim, 1990: 5/221).

Ibn Baṭṭāl (2003: 9/449) dalam syarahannya terhadap hadis ini berkata, “Orang yang dijangkiti penyakit seperti kusta sepatutnya tidak datang ke tempat orang ramai yang sihat kerana baunya yang tidak sedap dapat mengganggu orang ramai, walaupun penyakit kusta ini tidak menular. Demikian halnya, orang yang sihat digalakkan tidak mendatangi tempat orang yang sakit kecuali jika ada hal darurat yang memaksa mereka datang ke tempat itu. Sebagai contoh, sumber mata air. Sekiranya terdapat sumber mata air lain selain sumber mata air yang biasanya didatangi oleh orang sakit tersebut, maka orang ramai digalakkan mengambil air dari sumber yang lain, atau menggali sumur. Sekiranya tidak ada sumber air lain selain daripada sumber air tersebut, maka orang ramai digesah untuk berusaha menggali sumur atau mengupah orang untuk mencari air bersih di luar kampung.

Pada pandangan pengkaji, panduan keselamatan yang digalakkan baginda Nabi SAW dalam hadis ke-2 tersebut untuk mengelakkan diri daripada terjangkit sebarang wabak penyakit adalah merujuk kepada menjaga jarak sosial dengan orang ramai yang dikenali sekarang dengan istilah *Social Distancing*. Menurut Lisa Maragakis (t.th), *Social Distancing* adalah memerluas ruang dan jarak dengan orang lain untuk mengelakkan penularan penyakit. Sebagai contoh, berada pada jarak tidak kurang 6 kaki daripada orang lain dapat mengurangkan peluang anda daripada jangkitan Covid-19. Berikut ini beberapa bentuk *distancing*:

- 1) Bekerja daripada rumah, bukan di pejabat.
- 2) Menutup sekolah dan menggalakkan pembelajaran online.
- 3) Berjumpa dengan orang-orang terdekat melalui alat peranti elektronik seperti handphone, bukan dengan kontak langsung dengan mereka.
- 4) Membatalkan atau menangguhkan konferens atau perjumpaan dalam skala besar yang melibatkan orang ramai.

Inilah perkara yang wajib diambil berat oleh orang yang sihat. Oleh itu, digalakkan kepada orang ramai yang sihat untuk tidak lepak di kedai makan. Justeru, digalakkan pesan makanan dan dibawa balik ke rumah atau menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan ke rumah (*home food delivery service*) (Prime Minister’s Office of Malaysia, 2020).

Adapun bagi orang yang terdedah kepada Covid-19 dan yang berisiko tinggi untuk terjangkit, digalakkan mengamalkan *Self-Quarantine* tidak kurang 14 hari untuk benar-benar mengetahui sama ada ia sakit ekoran jangkitan atau tidak. Menurut Lisa Maragakis (t.th), *Self-Quarantine* turut meliputi amalan berikut:

- 1) Mengamalkan standar kebersihan dan kerap membasuh tangan.
- 2) Tidak berkongsi sama penggunaan barang keperluan harian untuk membersihkan tubuh badan seperti tuala dan berus gigi.
- 3) Duduk berdiam di rumah.
- 4) Tidak menerima orang bertamu.
- 5) Berada pada jarak tidak kurang 6 kaki daripada orang rumah.

Adapun bagi orang yang positif Covid-19, maka isolasi adalah amalan yang terbaik. Isolasi bermaksud menjauhkan orang yang positif terjangkit daripada orang-orang yang tidak terjangkit. Isolasi dapat

dijalankan di rumah ataupun hospital. Peralatan perlindungan seperti topeng muka untuk merawat pesakit adalah diperlukan bagi ahli medik dan juru rawat yang terlibat langsung memberikan perawatan kepada pesakit (*ibid*).

Hadis Ketiga:

عَنْ عَبْدِ بْنِ الصَّامِتِ «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى أَنْ لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ»

Daripada ‘Ubbādah bin al-Şāmit bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW telah memutuskan bahawa tidak boleh berbuat mudarat dan saling memudaratkan satu sama lain.

(Hadis. Ibn Mājah. ‘Ubbādah bin al-Şāmit. Juz’2:#2340)

Menurut Ibn al-Şalāh, hadis ini adalah hasan. Hadis ini juga diriwayatkan oleh al-Dāruqutni melalui pelbagai jalur riwayat. Kesemua jalur riwayat tersebut saling menguatkan satu sama lain. Oleh itu, jumhur ulama menerima hadis ini dan berhujah dengannya. Abu Dāwud meletakkan hadis ini dalam senarai hadis hukum yang menjadi asas dalam perbahasan fikah (Ibn al-Mulaqqin, 1989).

Imam Mālik pernah ditanya tentang maksud hadis ini (لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ), lalu ia pun berkata, “Iaitu segala sesuatu yang membawa kepada mudarat sama ada di jalan mahupun dalam jual beli.” (Ibn al-Athīr, 1971: 6/644).

Hadis ini (لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ) merupakan kaedah syarak dalam membangunkan muamalat dan interaksi sosial yang sihat antara sesama manusia. Ia bermaksud larangan untuk berbuat kemudaratan dalam semua keadaan sama ada kemudaratan itu datangnya pertama kali daripada kita sendiri mahupun ianya merupakan tindak balas terhadap mudarat yang didatangkan orang lain terhadap diri kita (Ibn Daqīq al-‘īd, 2003: 1/106).

Pada pandangan pengkaji, inti pati pengajaran hadis ketiga tersebut dalam erti yang luas adalah ke arah pembangunan kesedaran diri (*self awareness*). Ia bermula pada diri sendiri, ahli keluarga, jiran dan masyarakat. Hal ini sangat penting dalam berdepan sebarang wabak penyakit yang merebak secara luas. Sebagai contoh, Covid-19 yang diisytiharkan oleh WHO (World Health Organization, 2020) sebagai wabak yang bersifat pandemik iaitu wabak global yang sudah merebak ke merata-rata tempat di seluruh dunia. Di Malaysia, perintah kawalan pergerakan (Movement Control Order) telah diisytiharkan oleh Kerajaan bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020 (Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, 2020: 1-10). Dengan mengambil ruh pengajaran hadis tersebut dalam erti yang luas, masyarakat wajib mematuhi setiap butiran polisi kawalan tersebut. Hanya dengan patuh dan taat kepada polisi tersebut, rantai penularan Covid-19 dapat diputus. Berdasarkan polisi tersebut, orang ramai tidak dibenarkan lagi menghadiri sebarang perhimpunan yang melibatkan orang ramai, tidak melepak di kedai makan, duduk di rumah bersama dengan ahli keluarga dan sebagainya. Hanya dengan kesedaran diri yang tinggi, pelan Kerajaan ini dapat didokong bersama ke arah penanganan yang lebih baik dan sempurna terhadap penularan wabak ini. Inilah maksud tersirat hadis tersebut dalam erti yang luas.

Hadis keempat:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِذَا تَوَضَّأَ أَحَدُكُمْ فَلْيَجْعَلْ فِي أَنْفِهِ، ثُمَّ لِيَنْثُرْ، وَمَنْ اسْتَجَمَرَ فَلْيُوتِرْ، وَإِذَا اسْتَيْقَظَ أَحَدُكُمْ مِنْ نَوْمِهِ فَلْيَغْسِلْ يَدَهُ قَبْلَ أَنْ يُدْخِلَهَا فِي وَضُوئِهِ، فَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَا يَدْرِي أَيْنَ بَاتَتْ يَدُهُ»

Daripada Abu Hurayrah, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda, “Jika salah seorang daripada kalian berwuduk, maka hendaklah ia memasukkan air wuduk ke hidungnya lalu dibuangnya (*istinshāq*, الاستنشاق). Barang siapa yang beristinjak dengan batu, maka hendaklah bilangan istinjaknya diganjilkan

(*istijmār*, الاستجمار). *Barang siapa yang bangun daripada tidur, maka hendaklah ia membasuh tangannya sebelum ia memasukkannya ke dalam air wuduknya (bekas). Sesungguhnya kalian tidak tahu dimanakah tempatnya tanganmu telah bermalam.*”

(Hadis. Al-Bukhāri. Abu Hurayrah. Juz' 1:#161).

Ibn Hajar berkata (1379 H: 1/264), “Bekas yang dimaksudkan di sini adalah terhad bagi bekas wuduk. Hukum ini turut meliputi bekas air untuk mandi dan bekas-bekas lain. Menurut Abu ‘Umar al-Namiri (2000: 1/148), fikah hadis ini memahamkan kepentingan membasuh tangan selepas tidur lelap sebelum memasukkan tangannya ke dalam bekas wuduk. Menurut al-Bayḍāwi, keberangkaliannya terdapat najis di tangannya. Inilah sebab di sebalik perintah tersebut (al-Suyūṭi, 1969 H: 1/35)

Pada pandangan pengkaji, inti pati pengajaran hadis ini ke arah pembangunan lingkungan persekitaran yang bersih dan sihat. Kebersihan diuruskan bermula daripada diri sendiri, ahli keluarga, jiran dan masyarakat setempat. Ini selari dengan pesan tersirat firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 222: (إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَّيِّبِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ) yang menggalakkan kebersihan diri. Hidup sihat selalunya dikaitkan dengan kebersihan, manakala sakit ada masanya dikaitkan dengan cara hidup yang tidak bersih dan sihat. Dalam konteks yang lebih luas, ruh pengajaran hadis ini dapat dijadikan sebagai kawalan kebersihan sepanjang masa, khususnya kes Covid-19 yang kian hari semakin merebak di merata-rata tempat di seluruh dunia dengan penularan yang sangat pantas. Para saintis telah mendapati wabak Covid-19 mampu bertahan pada permukaan yang kerap disentuh sehingga sembilan hari. Permukaan yang kerap disentuh di kawasan tumpuan ramai seperti tombol pintu, besi pemegang dalam kenderaan awam (Ed Yong, 2020; Richard Gray, 2020). Mengambil ruh pengajaran hadis tersebut, dianjurkan membasuh tangan kerap kali. Dengan itu, peluang terjangkit wabak penyakit dapat dikurangkan dengan izin Allah SWT.

Hadis kelima:

يَقُولُ أَبَانُ بْنُ عُثْمَانَ: سَمِعْتُ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَنْ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ، حَتَّى يُصْبِحَ، وَمَنْ قَالَهَا حِينَ يُصْبِحُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَمْ تُصِبْهُ فَجَاءَةٌ بَلَاءٍ حَتَّى يُمْسِيَ»

Abān bin ‘Uthmān berkata, “Aku mendengar ‘Uthmān bin ‘Affān berkata, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Barang siapa yang mengucapkan (بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ) 3 kali, maka ia tidak akan ditimpa musibah yang datang secara tiba-tiba. Dan barang siapa yang membacanya di waktu pagi 3 kali, maka ia tidak akan ditimpa musibah yang datang secara tiba-tiba hingga waktu petang.”

(Hadis. Abu Dāwud. Abān bin ‘Uthmān. Juz'4:#5088)

Menurut Abu ‘Abdurrahman al-Wādi‘i (2013: 6/352), hadis ini dengan keseluruhan jalur periwayatannya adalah hasan. Muzhiruddīn al-Zaydāni berkata (2012: 3/210), “Sekiranya seseorang menyebut nama Allah di waktu mahu makan dengan keyakinan yang baik dan niat yang ikhlas, maka makanan itu tidak akan menyebabkan sebarang mudarat kepadanya. Sekiranya ia menyebut nama-Nya ketika berdepan dengan musuhnya, maka musuhnya tidak akan mendapatkan sebarang kemenangan terhadapnya, demikian juga dalam perkara lain.

Syeikh ‘Uthaymīn berkata (1426H: 5/550), “Kalimat ini (بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي) (السَّمِيعُ الْعَلِيمُ) adalah ringan diucapkan, tetapi faedahnya sangat besar, hal ini kerana segala sesuatu dalam kekuasaan Allah SWT dan nama-Nya adalah diberkati sekiranya dibacakan ke atas sesuatu. Oleh

itu, dianjurkan menyebut nama Allah ketika mahu makan dan minum dengan mengucapkan (بِسْمِ اللَّهِ). Oleh itu, menyebut nama Allah adalah perkara syarak yang digalakkan dalam banyak keadaan dan situasi.

Pada pandangan pengkaji, inti pati pengajaran hadis ini ke arah pembangunan insan yang mengetahui dengan baik erti kedekatan dengan Allah dalam semua situasi. Hal ini kerana, baik dan buruk yang dilalui manusia adalah datang daripada Qada' dan Qadar Allah. Dengan mengambil ruh pengajaran hadis ini, umat Islam percaya bahawa tidak ada yang dapat memberi sebarang manfaat mahupun mudarat kecuali dengan izin Allah. Umat Islam di akhir zaman ini yang banyak berdepan dengan bencana, musibah, wabak penyakit amat perlu menghayati dengan penghayatan sebenar maksud hadis tersebut. Kalimat 'بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ' bukan hanya sekadar ucapan, melainkan keyakinan diri. Orang yang yakin dengan berkat zikir dan doa ini tidak takut berdepan dengan cabaran kehidupan. Dia hanya percaya kepada Allah SWT dan bergantung sepenuhnya kepada-Nya dan berserah diri sepenuhnya kepada-Nya. Nilai zikir dan doa ini kian bertambah, khususnya pasca Covid-19 yang merebak di merata-rata tempat dengan penularan yang pantas. Mengambil ruh pengajaran hadis ini, umat Islam digalakkan membaca zikir dan doa ini sebagai bentuk ketaatan kepada baginda Nabi SAW. Dengan berkat doa ini dan izin Allah, umat Islam dapat melepasi cabaran wabak penyakit ini dengan sabar dan tabah serta berharap pertolongan Allah datang dengan segera mengangkat wabak ini daripada mereka.

Pada pandangan pengkaji, terdapat banyak zikir dan doa yang sejenis dengan doa tersebut yang digalakkan oleh baginda Nabi SAW untuk didajikan sebagai amalan harian. Bacaan al-Quran pun dapat memberi kesan yang baik terhadap tubuh badan sekiranya dibaca dengan penuh tartil dan khusyuk berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Al-Isra' ayat 82: "*Dan Kami menurunkan daripada al-Quran berupa penawar dan rahmat bagi orang-orang beriman.*" (Abdullah Basmeih, 2010: 701).

Ibadah solat pun turut memberikan kesan yang baik terhadap kesihatan tubuh badan sekiranya dilaksanakan dengan baik dan khusyuk.

Kaedah Penangan Wabak Pandemik Berdasarkan Kearifan Lokal Masyarakat Islam

Kaedah Rawatan Ṭā'ūn dan Wabak

Berikut ini pelbagai kaedah kawalan dan rawatan penyakit ṭā'ūn:

Apabila sesuatu wabak penyakit berjangkit merebak, maka digalakkan makan dengan berhemah dan menghindarkan diri daripada makan terlalu kenyang. Selain itu, jangan terlalu keseringan berjimak, banyak tidur. Digalakkan makan makanan yang dimasak (direbus) dan makanan yang mudah dihadam. Digalakkan juga pengambilan buah delima, buah pear (*Pyrus communis*) dan lentil, sekanjabin (minuman yang dibuat daripada madu dan cuka), jallab (sejenis sirap buah yang popular di Timur Tengah yang diperbuat daripada pokok karob, kurma, gula tebu, sirap buah delima dan air bunga), tanah Armenia (الطين الأرمني) yang disebatkan dengan air dan cuka. Turut digalakkan sanitasi rumah dengan memercikkan cecairan cuka ke dalam rumah. Kaedah rawatan seperti ini juga bermanfaat untuk mengubati penyakit ṭā'ūn (Abu Bakr al-Rāzi, 2002: 4/428).

Menurut Ibn Sīnā dalam kitabnya *al-Qanūn fi al-Ṭib* (1999: 1/667), tumbuhan renek *Rheum ribes* (الريباس) adalah baik juga untuk mengubati penyakit ṭā'ūn. Tumbuhan ini banyak tumbuh di kawasan pergunungan pada musim bunga. Tumbuhan ini mempunyai kemasaman yang tinggi sama seperti buah sitron dan

verjus (jus buah muda yang sangat berasid). Tumbuhan ini berkhasiat menyejukkan luka dan menghentikan pendarahan dan ubat penahan sakit.

Berdasarkan kaedah rawatan Ibn Sīnā (1999: 3/165), penyakit ṭā‘ūn pada awal mulanya diubati dengan cara menyejukkan badan yang luka iaitu dengan span yang dicelupkan ke dalam air dan cuka atau minyak bunga, minyak apel, damar mastik atau minyak *myrtus communis* (دهن الأس). Sekiranya ṭā‘ūn sudah dalam peringkat yang teruk, maka hijamah boleh dijalankan ke atas pesakit dengan sangat berhati-hati. Sekiranya ṭā‘ūn menyebabkan pesakit berasa demam, maka digalakkan tubuh badan pesakit disejukkan. Sekiranya luka di badan telah bernanah, maka nanah itu boleh dikeluarkan dengan pembedahan ringan.

PERBINCANGAN

Penerokaan kepada hadis-hadis yang berkaitan wabak perlu diterajui. Justeru, terdapat beberapa tulisan yang berkait rapat dengan tajuk kajian ini yang mempunyai dapatan lebih kurang sama, bahkan lebih komprehensif. Antaranya buku 40 hadis wabak penyakit yang ditulis oleh Ahmad Sanusi Azmi (2020). Berdasarkan kajian hadis dalam buku ini, disyorkan pelbagai kaedah rawatan wabak, khususnya ṭā‘ūn seperti kawalan pergerakan ketika wabak ṭā‘ūn merebak, menjauhi Penyakit Berjangkit, tindakan Kuarantin dijalankan kepada pesakit, bertawakal dengan tawakal yang sebenar, memberikan rawatan kepada pesakit mengikut simptom yang muncul dan memperbanyakkan doa. Selain itu, fatwa berkaitan pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (2020) turut didasarkan kepada hadis-hadis wabak yang sebahagiannya telah disebutkan sebelumnya dalam kajian ini. Jawatan kuasa fatwa Majlis berpendapat:

a. Pihak masjid bertanggungjawab untuk meminta serta melarang mana-mana jemaah yang mempunyai tanda-tanda sakit untuk tidak masuk ke kawasan masjid, sama ada untuk menunaikan solat ataupun melaksanakan urusan lain. Ini adalah kerana keberadaan mereka boleh menyebabkan jangkitan virus dan membawa kemudaratan kepada masjid dan masyarakat. Kemaslahatan umum para jemaah masjid perlu dijaga dan dipelihara.

b. Sekiranya penularan virus Covid-19 semakin meluas dan kritikal yang memerlukan penutupan tempat-tempat awam, termasuk rumah-rumah ibadat seperti masjid, atau jika perlu dihadkan penyertaan ramai ke tempat-tempat awam seperti masjid, maka itu merupakan suatu situasi darurat. Untuk itu, Jawatankuasa Fatwa berpandangan bahawa penutupan masjid di dalam keadaan darurat sedemikian, ataupun penggantungan solat berjemaah serta solat Jumaat sepanjang tempoh penutupan tersebut, adalah diharuskan.

Melalui kajian ini, turut disyorkan kajian yang lebih rancak dijalankan terhadap manuskrip dan buku ulama Islam yang ditulis khas untuk menghurai wabak penyakit berjangkit seperti ṭā‘ūn. Dipercayai bahawa terdapat pelbagai kaedah rawatan untuk mengubati wabak penyakit yang berjangkit seperti COVID-19 yang kini menjadi tumpuan perhatian orang ramai. Uji cuba makmal perlu juga dijalankan ke aras kaedah rawatan tersebut untuk mendapatkan bukti yang kukuh terhadap kaedah tersebut. Justeru, diperlukan pelbagai kepakaran untuk mengulas khazanah ilmu perubatan ulama Islam dalam mengubati wabak penyakit yang berjangkit. Berikut ini adalah pelbagai manuskrip dan buku yang ditulis khas berkaitan ṭā‘ūn dan wabak:

- 1) Al-Ad‘iyah al-Muntakhabah wa al-Adawiyah al-Mujarrabah (الأدعية المنتخبة والأدوية المجربة), karya ‘Abdurrahmān bin Muḥammad al-Buṣṭāmī. Buku ini mengandungi preskripsi perubatan untuk

- mengubati penyakit ṭā'ūn. Buku seterusnya yang ditulis al-Buṣṭāmī yang berkaitan wabak ialah Waṣf al-Dawā' fi Kashf Āfāt al-Wabā' (وصف الدواء في كشف آفات الوباء).
- 2) Badhl al-Mā'ūn fi Faḍl al-Ṭā'ūn (بذل الماعون في فضل الطاعون), karya Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar (852 H). Buku ini mengandungi syarahan terhadap hadis-hadis yang berkaitan dengan ṭā'ūn. Buku ini terdiri daripada 5 bab yang berkaitan ṭā'ūn.
 - 3) Bimā Rawāhu al-Wā'ūn fi Akhbār al-Ṭā'ūn (بما رواه الواعون في أخبار الطاعون), karya Jalāluddīn al-Suyūṭī, 'Abdurrahmān bin Kamāluddīn bin Abi Bakr (911 H). Buku ini merupakan ringkasan terhadap buku Ibn Ḥajar tersebut.
 - 4) Tuḥfat al-Nujabā' bi Aḥkām al-Ṭā'ūn wa al-Wabā' (تحفة النجباء، بأحكام الطاعون والوباء), karya Ibn Ṭūlūn al-Dimashqī, 'Muḥammad bin 'Alī (953 H).
 - 5) Rāḥat al-Arwāḥ fi Daf'i 'Āhat al-Ashbāḥ (راحة الأرواح، في دفع عاهة الأشباح), karya Ahmad bin Sulaymān Kamāl Bashā (940 H). Buku ini merupakan risalah ringkas berkaitan ṭā'ūn.
 - 6) Risālah fi al-Ṭā'ūn wa Jawāz al-firār 'Anhu (رسالة في الطاعون، وجواز الفرار عنه), karya al-Mawla Idrīs al-Badlīsī (927 H).
 - 7) Ṭilsam al-'Awn fi al-Dawā' wa al-Ṣawn 'an al-Ṭā'ūn (طلسم العون في الدواء، والصون عن الطاعون) (والوباء), karya al-Mawla Iyās.
 - 8) Khulāṣah Mā Yaḥṣulu 'Alayhi al-Sā'ūn fi Adawiyati Daf'i al-Wabā' wa al-Ṭā'ūn (خلاصة ما يحصل عليه الساعون، في أدوية دفع الوباء والطاعون), karya Muḥammad bin Fathḥullah bin Mahmūd al-Baylūnī (1042 H).
 - 9) Risālat al-Ibāi 'an Mawāqī' al-Wabā' (رسالة الإباء عن مواقع الوباء), karya Idrīs bin Ḥusām al-Badlīsī.
 - 10) Funūn al-Manūn fi al-Wabā' wa al-Ṭā'ūn (فنون المنون، في الوباء والطاعون), karya Yūsuf bin Ḥasan bin 'Abd al-Hādī al-Ḥanbali yang dianggarkan meninggal pada tahun 880.
 - 11) Risālat al-Shifā' fi Adwāi al-Wabā' (رسالة الشفاء في أدواء الوباء), karya Tāshkubra Zādah, Aḥmad bin Musṭafa (968) (Ḥāji Khalīfah (1941: 1/237; 1/376; 1/829; 1/874; 1/876; 2/1115; 1/719; 2/1292; 2/2013).

KESIMPULAN

Berikut ini merupakan kesimpulan kajian:

- 1) Kaedah kuarantin, *lock down* dan penjarakan sosial adalah kaedah kawalan yang dijalankan apabila terdapat sebarang wabak penyakit berjangkit yang merebak di suatu kawasan. Kaedah ini sebelumnya telah dijalankan dalam masyarakat Islam ketika berdepan dengan ṭā'ūn. Kesemua kaedah ini mempunyai sandaran yang kukuh daripada hadis-hadis baginda Nabi SAW. Oleh itu, jawatan kuasa fatwa dalam mana-mana institusi fatwa di negara Islam mengeluarkan fatwa pencegahan berdasarkan hadis-hadis tersebut.
- 2) Kesedaran terhadap keselamatan diri, ahli keluarga, jiran dan orang ramai dipertingkatkan. Bagi mereka yang pernah terdedah kepada wabak penyakit yang menular seperti Covid-19 hendaknya mengamalkan *self quarantine*, menjauhkan diri untuk sementara waktu dengan ahli keluarga dan orang ramai (*self distancing*). Adapun pesakit yang sudah positif terjangkit wabak Covid-19 maka adalah lebih baik untuk keselamatan dirinya dan keselamatan orang ramai untuk mendapatkan rawatan di klinik atau hospital dengan amalan isolasi (*isolation*).
- 3) Memperbanyakkan pengambilan sumber pemakanan yang bergizi untuk menambah ketahanan sistem imun tubuh badan dalam berdepan dengan sebarang wabak penyakit.

- 4) Banyak berzikir dan berdoa. Melalui ibadah, umat Islam merapatkan diri kepada Allah dan memohon perlindungan-Nya supaya teselamat daripada sebarang bencana, musibah dan penularan wabak penyakit yang dapat mengancam keselamatan jiwa.
- 5) Manuskrip perubatan dan buku-buku ulama Islam yang ditulis khas untuk menjawab keperluan umat tentang hakikat wabak penyakit berjangkit seperti tā'ūn perlu diterokai dengan penglipatan pelbagai kepakaran dan uji cuba makmal supaya terhasil ramuan yang mujarab untuk mengubati sebarang wabak penyakit yang berjangkit.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan pembiayaan daripada pusat pengurusan penyelidikan dan inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), kod geran: PPPI/COVID19_0120/FPQS/051000/14820.

RUJUKAN

‘Abd Al-Quddūs Al-Hāshimi. 2020. Al-Tawā‘īn Wa Al-Awbiah Fi Al-Tārīkh Al-Islāmi.
<https://www.aljazeera.net/news/cultureandart/2020/3/31/ماذا-تعرف-عن-أبرز-الطواعين-والأوبئة-في>
Dilayari Pada Tarikh 27/05/2020.

Abdullah Basmeih. 2010. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Kuala Lumpur Darul Fikir.

Abu ‘Abdurrahman Al-Wādi‘i, Muqbil Bin Hādī. 2013. Al-Jāmmi‘ Al-Ṣaḥīḥ Mimmā Laysa Fi Al-Ṣaḥīḥāyn. Cet. 4. Yaman: Dār Al-Āthār.

Abu Al-Ḥasan Al-Mubarkafūri, ‘Ubaydullah Bin Muḥammad Bin ‘Abd Al-Salām. 1984. Mir‘āt Al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt Al-Maṣābīḥ. Cet. 3. Al-Jāmi‘ah Al-Salafiyah, India: Idārat Al-Buḥūth Al-‘Ilmiyah Wa Al-Da‘wah Wa Al-Iftā’.

Abu Bakr Al-Rāzi, Muḥammad Bin Zakariyyā. 2002. Al-Ḥāwi Fi Al-Ṭib. Cet. 1. Beirut: Dār Iḥyā’ Al-Turāth Al-‘Arabi.

Abu Bakr Bin Al-‘Arabi, Muḥammad Bin ‘Abdullah. 2007. Al-Masālik Fi Sharḥ Muwaṭṭa Mālik. Cet. 1. Beirut: Dār Al-Gharb Al-Islāmi.

Abu Dāwud, Sulaymān Bin Al-Ash‘ath. T.Th. Sunan Abi Dāwud. Tahkik Muḥammad Muḥyiddīn ‘Abd Al-Ḥamīd. Beirut: Al-Maktabah Al-‘Ashriyah.

Abu Sa‘īd Bin Al-A‘rabi, Aḥmad Bin Muḥammad Bin Ziyād. Mu‘jam Ibn Al-A‘rabi. Tahkik Dan Takhrij Hadis ‘Abd Al-Muḥsin Bin Ibrāhīm Bin Aḥmad Al-Ḥusayni. Cet. 1. Kerajaan Arab Saudi: Dār Ibn Al-Jawzi.

Aḥmad Mukhtār ‘Abd Al-Ḥamīd ‘Umar. 2008. Mu‘jam Al-Lughah Al-‘Arabiyah Al-Mu‘āshirah. Cet. 1. Beirut: ‘Ālam Al-Kutub.

Ahmad Sanusi Azmi. 2020. 40 Hadis Tentang Wabak Penyakit. Cet. 1. Bandar Baru Nilai: Ulum Hadith Research Ccenter.

Aiza Mazlan Baharudin. 2011. Sistem Kuarantin Dan Pelaksanaannya Di Tanah Melayu Pada Sekitar Abad Ke-19. Univeraiti Malaya: Jurnal Sejarah. Vol. 19. No. 19

Al-Bukhāri, Muḥammad Bin Ismā'īl. 1422 H. Ṣaḥīḥ Al-Bukhāri. Tahkik Muḥammad Zuhayr Bin Nāṣir Al-Nāṣir. Cet. 1. Lubnan: Dār Ṭawq Al-Najāh.

Al-Farāhīdi, Al-Khalīl Bin Aḥmad. T.Th. Kitāb Al-'Ayn. Tahkik Dr Muḥdi Al-Makhzūmi Dan Dr Ibrāhīm Al-Sāmūrāi. Maktabah Al-Hilāl.

Al-Nawawi, Yaḥya Bin Sharaf. 1392 H. Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim. Cet. 2. Beirut: Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-'Arabi.

Al-Suyūṭi, 'Abdurrahman Bin Abi Bakr. 1969. Tanwīr Al-Ḥawālik Sharḥ Muwaṭṭā' Mālik. Mesir: Al-Maktabah Al-Tijāriyah Al-Kubra.

Al-'Uthaymīn, Muḥammad Ṣāliḥ. 1426 H. Sharḥ Riyād Al-Ṣāliḥīn. Riyadh: Dār Al-Waṭan.

Badruddīn Al-'Ayni, Maḥmūd Bin Aḥmad In Mūsa. T.Th. 'Umdat Al-Qāri Sharḥ Ṣaḥīḥ Al-Bukhāri. Beirut: Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-'Arabi.

[David M. Morens](#), [Gregory K. Folkers](#), [Anthony S. Fauci](#). 2009. What Is A Pandemic? The Journal Of Infectious Diseases, Volume 200, Issue 7, 1 October 2009, Pages 1018–10.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. 2005. Kamus Dewan.

Ed Yong. 2020. Why Three Coronavirus Has Been Successful. www.google.com/amp/i/amp.theatlantic.com/amp/article/608338. Diayari Pada Tarikh 22/03/2020.

Ghādah Al-Ḥalāyiqah. 2018. ما هو الطاعون. <https://Mawdoo3.Com/%D9%85%D8%A7%D9%87%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%B7%D8%A7%D8%B9%D9%88%D9%86> (Accessed On July 30, 2020)

Hāji Khalīfah, Muṣṭafa Bin 'Abdillah. 1941. Kashf Al-Zunūn 'an Asāmi Al-Kutub Wa Al-Funūn. Baghdad: Maktabat Al-Muthni.

Ḥamzah Muḥammad Qāsim. 1990. Manār Al-Qāri Sharḥ Ṣaḥīḥ Al-Bukhāri. Damaskus: Dār Al-Bayān.

Harris, S.S. 2000. A Dictionary Of Epidemiology. Fourth Edition.

Honigsbaum. M. 2009. Living With Enza The Forgotten Story Of Britain And The Great Flu Pandemic Of 1918. London: Palgrave Macmillan.

- Ibn Al-Athīr, Al-Mubārak Bin Muḥammad Bin Muḥammad. 1971. Jāmi' Al-Usūl Fi Aḥādīth Al-Rasūl. Tahkik 'Abd Al-Qādir Al-Arnaūṭ. Maktabat Dār Al-Bayān.
- Ibn 'Asākir, 'Ali Bin Al-Ḥasan. 1995. Tārīkh Dimshaq. Tahkik 'Amru Bin Gharāmah. Beirut: Dār Al-Fikr.
- Ibn Baṭṭah, 'Ubaydullah Bin Muḥammad Bin Muḥammad. 1415 HG. Al-Ibānah Al-Kubra. Tahkik Dr. 'Uthmān Bin 'Abdullah. Riyad: Dār Al-Rāyah.
- Ibn Baṭṭāl, 'Ali Bin Khalaf Bin 'Abd Al-Mulk. 2003. Sharḥ Ṣaḥīḥ Al-Bukhāri. Tahkik Abu Tamīm Yāsir Bin Ibrāhīm. Riyad: Maktabat Al-Rushd.
- Ibn Daqīq Al-'īd, Muḥammad Bin 'Ali Bin Wahab. 2003. Sharḥ Al-Arba'īn Al-Nawawiyah Fi Al-Aḥādīth Al-Ṣaḥīḥah. Cet. 6. Muassasah Al-Rayyān..
- Ibn Ḥajar Al-'Asqalāni, Aḥmad Bin 'Ali Bin Ḥajar. 1379 H. Fath Al-Bāri Sharḥ Ṣaḥīḥ Al-Bukhāri. Beirut: Dār Al-Ma'rifah.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl Bin 'Umar Bin Kathīr. 1988. Al-Bidāyah Wa Al-Nihāyah. Tahkik 'Ali Shīri. Cet. 1. Beirut: Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-'Arabi.
- Ibn Mājah, Muḥammad Bin Yazīd Al-Qazawayni. T.Th. Sunan Ibn Mājah. Tahkik Muḥammad Fuād 'Abd Al-Bāqi. Beirut: Dār Iḥyā' Al-Kutub Al-'Arabiyah.
- Ibn Qutaybah Al-Dīnawari, 'Abdullah Bin Muslim Bin Qutaybah. T.Th. Al-Jarāthīm. Tahkik Muḥammad Jāsīm Al-Ḥumaydi. Damaskus: Dār Al-Thaqāfah.
- Ibn Sīnā, Al-Ḥusayn Bin 'Abdillah. 1999. Al-Qanūn Fi Al-Ṭib. Tahkik Muḥammad Amīn Al-Ḍanāwi. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ismail Sualman. 2020. Ikut Kuarantin Cara China. Sinar Harian. <https://Sinarharian.Com.My/Article/74414/KOLUMNIS/Ikut-Kuarantin-Cara-China> . (Accessed On 20 March, 2020).
- J. M. Gullick. 1987. Malay Society In The Late Nineteenth Century The Beginning Of Change. Singapore: Oxford University Press.
- Lanore Manderson. 1996. Sickness And The State Health And Illness In Colonial Malaya. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lisa Lockerd Maragakis. T.Th. Coronavirus, Social Distancing And Self Quarantine. <https://Www.Hopkinsmedicine.Org/Health/Conditions-And-Diseases/Coronavirus/Coronavirus-Social-Distancing-And-Self-Quarantine>. Dilayari Pada Tarikh 21/03/2020.

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. 2020. Perincian Kawalan Pergerakan. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyataan-media-mkn-18-mac-2020/>. Dilayari Pada Tarikh 22/03/2020

Majlis Ugama Islam Singapura. 2020. Fatwa Berkaitan Pencegahan Covid-19. <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/fatwa/fatwa-covid-19-malay> (ACCESSED ON 30 JULY, 2020).

Muhammad Bin ‘Allān Al-Siddīqi. T.Th. Al-Futūhāt Al-Rabbāniyah ‘ala Al-Adhkār Al-Nawāwiyah. Mesir: Jam‘iyyah Al-Nashr Wa Al-Ta’līf).

Mūsa Shāhīn Lāshīn. 2002. Fath Al-Mun‘im Sharh Şahīh Muslim. Cet. 1. Mesir: Dār Al-Shurū.

Muslim Bin Al-Ḥajjāj, Abu Al-Ḥasan Al-Qushayri. T.Th. Şahīh Muslim. Tahkik Muḥammad Fuād ‘Abd Al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā’ Al-Turāth Al-‘Arabi.

Muḥiruddīn Al-Zaydāni, Al-Ḥusayn Bin Maḥmūd Bin Al-Ḥasan. 2012. Al-Mafātīḥ Fi Sharh Al-Maşābīḥ. Cet. 1. Wizārat Al-Awqāf Al-Kuwaytiyah: Dār Al-Nawādir.

Perak Government Gazette. 1891. Vol. IV. No. 2, October 23.

R. Hood. 1959. Defeat Of Pestilence Foreshadows End Of Quarantine. World Health. Vol. 12. No. 1., Hlm. 20

Richard Gray. 2020. Covid-19: How Long Does The Coronavirus Last On Surfaces? <https://www.bbc.com/future/article/20200317-covid-19-how-long-does-the-coronavirus-last-on-surfaces>. Dilayari Pada Tarikh 22/03/2020.

SAMHSA: Substance Abuse And Mental Health Services Administration. T.Th. Tips For Social Distancing, Quarantine, And Isolation During An Infectious Disease Outbreak. <https://www.samhsa.gov> > Files (Accessed On 20, March, 2020).

W.Qiu; S. Rutherford; A. Mao; C. Chu. 2017. The Pandemic And Its Impacts. University Of Pittsburgh. Health, Culture And Soc

World Health Organization. 2020. Coronavirus Disease (COVID-2019) Situation Reports. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/situation-reports>. Dilayari Pada Tarikh 31/03/2020